

31/05/2001

Sidang berjalan lancar di tengah kekecohan

HARI pertama Sidang Puncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) di Pusat Konvensyen Jakarta hari ini, berjalan lancar ketika beribu-ribu penunjuk perasaan, terutama penyokong Presiden Abdurrahman Wahid (Gus Dur) berarak dan berkumpul di perkarangan Parlimen, yang jaraknya hanya beberapa ratus meter.

Selepas upacara perasmian, ketua delegasi daripada 19 negara anggota G15 mengadakan sidang tertutup di Jakarta Hilton, tidak jauh dari pusat konvensyen.

Selain Gus Dur, tiga lagi ketua negara menghadiri sidang itu iaitu Olesgun Obasanjo (Nigeria), Hugo Chavez (Venezuela) dan Robert Mugabe, (Zimbabwe).

Tiga negara lagi diwakili perdana menteri iaitu Malaysia (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), Jamaica (PJ Patterson) dan Mesir (Atef Ebeid). Bakinya diwakili naib presiden atau menteri kanan masing-masing.

Gus Dur dalam ucapan ringkasnya ketika merasmikan persidangan itu berkata, walaupun G15 sudah mencapai banyak kemajuan, masih banyak yang perlu dilakukan oleh negara anggota dalam rangka kerjasama negara membangun.

"Masih banyak kesukaran yang perlu diatasi terutama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ini sesuai dengan tema sidang kali ini iaitu memanfaatkan potensi era digital untuk pembangunan," katanya.

Dr Mahathir, ketika berucap mewakili Asia, mengalu-alukan kehadiran Naib Presiden Iran, Dr Hassan Habibi dan Naib Presiden Colombia, Gustavo Bell Lemus, yang pertama kali menyertai sidang puncak selepas diterima sebagai anggota G15 tahun lalu.

Beliau juga berkata, Malaysia menyambut baik keputusan G15 supaya negara anggota harus memainkan peranan yang lebih proaktif dalam proses pembaharuan kerangka kewangan pada peringkat antarabangsa.

"Bagi memastikan komitmen ini benar-benar berkesan, Malaysia akan menganjurkan mesyuarat pakar G15 dalam bidang ini beberapa bulan lagi," katanya.

Mugabe, ketika berucap mewakili Afrika, berharap sidang puncak ini menghasilkan komitmen yang lebih kukuh untuk mendesak pembentukan institusi antarabangsa baru yang lebih demokratik dan adil serta bersimpati dengan negara membangun.

(END)